

04 OCT 1998

Pemuda-Pulau Pinang

PEMUDA UMNO PULAU PINANG AKAN AKUR KEPUTUSAN MT MENGENAI RAHIM GHOUSE

KUALA LUMPUR, 4 Okt (Bernama) -- Pemuda UMNO Pulau Pinang akan akur dengan sebarang keputusan yang dibuat oleh mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) parti Selasa ini mengenai nasib Ketua Pemuda negeri itu Dr Rahim Ghouse.

Naib Ketuanya Mohamed Ismail Othman @ Ali hari ini berkata, pemuda negeri menyerahkan kepada kebijaksanaan pucuk pimpinan parti dalam menentukan kedudukan Dr Rahim kerana terlibat secara langsung dengan gerakan reformasi anjuran bekas Timbalan Presiden UMNO Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"Saya percaya pucuk pimpinan parti akan mengambil langkah yang bijak dalam menentukan masa depan Dr Rahim dalam UMNO dan Pemuda negeri akan menerima sebarang keputusan yang dibuat dengan hati terbuka," katanya kepada BERNAMA di sini.

Mohamed Ismail yang juga Ketua Pemuda Bahagian Bukit Bendera berkata, kesemua kepimpinan pemuda dalam 11 bahagian di negeri itu tetap menyokong kerajaan dan menaruh sepenuh kepercayaan kepada Presiden parti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam menangani kemelut politik yang melanda UMNO sekarang.

Beliau berkata, sebagai tanda sokongan kepada Dr Mahathir yang juga Perdana Menteri, sebanyak 5,000 anggota pemuda negeri itu dijangka menghadiri Perhimpunan Perdana anjuran Pemuda Barisan Nasional di Stadium Nasional, Bukit Jalil, 10 Okt ini.

Setiap bahagian akan menghantar sekurang-kurangnya 400 orang ke perhimpunan itu, katanya.

Mengenai perletakan jawatan Ketua Pergerakan Pemuda Datuk Ahmad Zahid Hamidi, beliau berkata keputusan itu adalah wajar dan ini menunjukkan Zahid menyayangi UMNO dan meletakkan kepentingan parti melebihi kepentingan peribadi.

Beliau berkata pemuda negeri juga menyokong Datuk Hishammuddin Hussein sebagai Pemangku Ketua Pergerakan itu bagi meneruskan kesinambungan perjuangan Pemuda.

Mohamed Ismail juga menafikan laporan sebuah akhbar kononnya beliau pernah berada di rumah Anwar di Bukit Damansara sini pada 14 Sept lepas bersama-sama bekas pemimpin parti Semangat 46 Marina Yusof.

Beliau berkata itu merupakan suatu kekeliruan kerana beliau berada di luar negara sejak 12 Sept dan hanya kembali ke tanah air pada 25 Sept lepas.

-- BERNAMA

AKT PR